

# Kerajaan Perpaduan mampu rekod pencapaian lebih baik

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim optimis, pentadbiran kerajaan diketuainya mampu merekodkan pencapaian yang lebih baik pada masa depan walaupun ketika ini dianggap mendapat 'Gred D'.

Mengulas 'Gred D' diberikan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) terhadap pentadbirannya, Perdana Menteri menegaskan masih terlalu awal untuk menilai keseluruhan pencapaian kerajaan yang diketuainya.

"Tentang BERSIH bagi D, tak apalah BERSIH bagi D, bukan F. UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah) dapat D, SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) esok naik A, Insya Allah., dia (kerajaan ini) baru sangat," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Awang Hashim (PN-Pendang) pada sesi pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat semalam.

Kelmarin, BERSIH memberi-

kan Gred D iaitu 45.8 peratus kepada Kerajaan Perpaduan sepanjang dua tahun mentadbir negara.

Ahad ini, genap dua tahun tempoh pentadbiran Kerajaan Perpaduan diterajui Anwar yang mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 24 November 2022.

Mengulas peruntukan kepada pembangkang, Anwar mengulangi gesaan supaya pembangkang segera mengadakan rundingan dengan Timbalan Perdana Menteri II, Datuk Seri Fadilah Yusof, bagi memuktamadkan isu berkenaan.

"Tentang peruntukan, saya tidak faham hal ini pun termasuk dalam laporan BERSIH. Dia mengetepikan kenyataan saya untuk berunding. Pandangan kita kepada Timbalan Perdana Menteri II jelas, harus berunding.

"Tapi nampak keengganan pembangkang berunding menyebabkan hal ini tertangguh. Jadi

kalau Pendang (Awang) setuju jadi salah seorang perunding, boleh runding segera, kalau boleh setuju kita boleh terima," katanya.

Sementara itu, ketika menjawab soalan tambahan Dr Mohammed Taufiq Johari (PH-Sungai Petani) yang ingin penjelasan berhubung tular isu wawancara Perdana Menteri dengan wartawan *CNN*, Richard Quest, sehingga menimbulkan salah tanggapan masyarakat, Anwar berkata, kenyataan beliau sebenarnya diambil di luar konteks.

Beliau berkata, meskipun ada pihak yang tidak selesa atau bersejua dengan penggunaan pilihan perkataan atau ayat yang beliau gunakan, ia sepatutnya tidak diheret berpanjangan.

"Saya ditemu bual banyak (media antarabangsa) dengan *CNN*, *Al-Jazeera* dan *Bloomberg*, tapi kalau ambil cebisan terkeluar da-

ripada konteks satu dua tempat, kalau tak setuju saya tidak mahu berbalah mengenai soal itu.

"Tidak benar untuk dikaitkan dan menghina kita dalam kita berperang dalam isu ini. Isu ini bagi saya bukan isu politik biasa, tetapi isu lahir dari keyakinan kita dan perjuangan selama puluhan tahun," katanya.

Video berdurasi 30 saat yang tular itu serta beberapa portal mendakwa, Anwar mengiktiraf hak Israel untuk wujud dan untuk 'mempertahankan diri' dalam wawancara terbabit.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) yang juga Ketua Pembangkang, adakah Perdana Menteri khilaf ketika wawancara itu, Anwar menegaskan, semua pihak perlu memahami apa yang ingin disampaikan dalam konteks tertentu.

Perdana Menteri berkata, wartawan bertanyakan kepadanya sama ada dalam konteks negara

Israel itu berhak atau tidak wujud pada konteks.

Anwar berkata, beliau boleh saja memilih untuk membalas dengan kenyataan atau menyerang habis-habisan.

"Kalau penjelasan saya sudah bagi cukuplah. Keduanya, dia tanya pertahankan prinsip dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebarang negara yang diserang mereka boleh pertahankan. Itu konteksnya.

"Bukan sekarang pertahankan selepas itu macam mana boleh kata pertahankan walhal (tindakan) dia (Israel) 'barbarism', dia ganas, dia zionis dan zalim. Itu pendirian kita, cuma diambil bagi saya *out of context* (di luar konteks) saja kerana nak cari '*political point*'.

"Tapi kalau penjelasan saya sudah bagi, penegasan cukup kerana isu ini saudara percayalah kita boleh bicara dan bertikam lidah, tetapi di sana seolah-olah tidak ada," katanya.